

## Cacat tidak halang Normelisa berjaya

KUALA NERUS - Biarpun kemampuan dirinya tidak sama seperti penuntut normal yang lain, Normelisa Mohd Yadi, 20, tidak menjadikan kekurangan diri sebagai penghalang buatnya untuk berjaya dalam pendidikan.

Ia dibuktikan apabila anak kedua daripada tujuh beradik itu kini berada dalam semester akhir Diploma Pengajian Islam (Bahasa dan Kesusteraan Arab) di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Normelisa yang mengalami penyakit saraf sejak berusia 11 tahun selepas diserang demam panas hingga mengakibatkan kecacatan anggota badan dan tidak mampu berjalan, mengakui tidak mudah untuk melalui semua kepentingan itu, namun dia bersyukur kerana dilindungi rakan-rakan yang baik.

"Saya bergerak menggunakan kerusi roda sepenuhnya dan syukur-lah dari awal saya mengikuti pengajian sehingga kini rakan-rakan banyak membantu saya," katanya ketika dijumpai selepas menerima wakaf kerusi roda.

Penyampaian kerusi roda sumbangan Hexatrend Sdn Bhd dan Fajar Baru Boutique Hotel itu dibuat sempena Majlis Penyerahan



Normelisa berbual mesra dengan Wan Ismail Sahaimi (kanan) dan Ahmad Zubaidi (kiri).

Sumbangan Wakaf dan Penghargaan Penyumbang Zakat UniSZA di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, di sini.

Hadir sama, Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi A. Latif dan Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam), Wan Ismail Sahaimi Wan Omar.

Menurut Normelisa, dia membuang jauh segala perasaan rendah diri dengan kekurangan yang di-

alami demi untuk membantu keluarga terutama ibunya, Saripah Abu Bakar.

"Saya ingin belajar bersungguh-sungguh dan berjaya agar dapat bantu ubah nasib keluarga kami ke tahap yang lebih baik," katanya.